



DELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG 2014 - 2018



Bandar Pelancongan & Maritim



RINGKASAN EKSEKUTIF

Majlis Perbandaran Manjung merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah merangkul pelbagai kejayaan di peringkat negeri dan kebangsaan. Sejalan dengan kejayaan yang diperolehi, penyampaian perkhidmatan dalam semua aspek hendaklah berada pada tahap yang terbaik. Bagi memantapkan lagi kualiti perkhidmatan dan pembangunan di kawasan pentadbirannya, satu halatuju dan panduan yang jelas perlu diwujudkan dalam menentukan segala strategi perancangan, pembangunan dan perkhidmatan sentiasa pada tahap yang cemerlang dan melangkaui kehendak pelanggan.

Selaras dengan itu, usaha-usaha bagi memperkasakan Majlis Perbandaran Manjung dan memastikan perkhidmatan yang disampaikan adalah yang terbaik, Jawatankuasa Khas Pengurusan Strategik Majlis Perbandaran Manjung telah mengadakan perbincangan bagi mengkaji semula visi dan misi. Hasil perbincangan tersebut, wujudlah Pelan Strategik bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari 2013 hingga 2018 yang akan dijadikan panduan dalam membuat keputusan-keputusan penting berkaitan Majlis Perbandaran Manjung.

Pelan Strategik ini mengandungi Visi, Misi, Nilai-Nilai Bersama, Objektif Strategik dan Strategi / Program bagi memberi gambaran yang lebih jelas serta menyeluruh berkaitan perancangan dan pelaksanaan strategi untuk Majlis Perbandaran Manjung khususnya dan Manjung amnya.

Semakan dan kemaskini Pelan Strategik ini akan dilakukan pada setiap tahun melalui mekanisme Pengukuran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi menilai pencapaian berdasarkan sasaran yang ditetapkan. Ini bagi memastikan strategi-strategi yang dibuat sentiasa relevan dan berada pada halatuju yang ditetapkan.

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Manjung telah mengfokuskan beberapa objektif strategik dalam pelaksanaan programnya. Bagi memastikan pengurusan pentadbiran yang cekap, berkesan dan berintegriti dalam melaksanakan fungsi sebagai sebuah Pihak Berkuasa tempatan (PBT) yang





berkualiti, Pelan Strategik ini telah menetapkan 'Memperkasa Tadbir Urus dan Keupayaan Kapasiti Majlis' sebagai objektif strategik yang pertama.

Di samping itu, bagi mempergiatkan usaha-usaha kutipan sumber hasil sedia ada dan meneroka serta menjana sumber hasil baru yang akan disokong dengan kawalan perbelanjaan berhemah 'Memantapkan Pengurusan Kewangan Secara Sistematis dan Efisien' menjadi objektif strategik dalam aspek pengurusan kewangan.

Perancangan dan pembangunan yang merangkumi semua aspek dari segi fizikal, ekonomi, alam semulajadi, sejarah, budaya, selamat, mesra pengguna dan beridentiti menjadi fokus dalam melaksanakan dan memperkukuhkan perancangan serta merealisasikan pembangunan yang mampan sebagai objektif strategik yang ketiga.

Sebagai langkah meningkatkan kesejahteraan hidup, pelan strategik ini juga menetapkan 'Mempertingkatkan Kualiti Persekitaran yang Kondusif dan Komuniti yang Sejahtera' menjadi titik-tolak dalam menyediakan keperluan-keperluan fizikal dan spiritual yang akan meningkat kualiti serta kesejahteraan hidup yang tinggi.

Pada masa yang sama, Majlis Perbandaran Manjung tidak ketinggalan untuk mengaplikasi teknologi-teknologi terkini dalam pengurusan perkhidmatan. Sehubungan itu, mengoptimumkan penggunaan ICT dalam aspek perkakasan dan perisian terkini akan dibangunkan secara bersepadu.


Kelima-lima objektif strategik yang telah ditetapkan akan menjadi panduan dalam merealisasikan visi dan misi serta seterusnya rancangan-rancangan yang telah dirangka. Sehubungan itu, semua pihak di Majlis Perbandaran Manjung akan memainkan peranan masing-masing bagi memastikan pelaksanaan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Manjung tercapai sepenuhnya. Oleh yang demikian, prestasi di peringkat Jabatan, Bahagian, Unit dan seterusnya peringkat individu akan digunapakai dalam menilai serta mengukur pencapaian prestasi Pelan Strategik ini.







PETA STRATEGI

PETA STRATEGI MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG 2014 - 2018







THE WAY FORWARD

Selepas perancangan strategik ini dilaksanakan yang akan berakhir pada tahun 2013, peranan Majlis Perbandaran Manjung diharap akan lebih menyerlah dalam aspek pengurusan dan perkhidmatan perbandaran. Oleh kerana agenda pengurusan dan perkhidmatan perbandaran adalah agenda yang berterusan, maka perancangan strategik 5 tahun bukanlah suatu tempoh yang secukupnya untuk mengukur pencapaian secara holistik. Akan tetapi perancangan ini perlu diteruskan lagi bagi membangunkan dan memantapkan lagi transformasi pengurusan dan perkhidmatan perbandaran Majlis Perbandaran Manjung berdasarkan kepada keperluan semasa.

Selepas tahun 2013, Majlis Perbandaran Manjung mempunyai gagasan dan berwawasan untuk mencapai ke tahap seperti berikut:

- a. Dimartabatkan sebagai sebuah bandaraya yang maju dan lestari dalam hubungkait pembangunan manusia dan alam sekitar.
- b. Pengurusan perkhidmatan perbandaran yang bersepadu, cekap dan berkesan selaras dengan aspirasi negara.
- c. Menjadikan Majlis Perbandaran Manjung sebagai sebuah bandar pelancongan dan Maritim yang mampan dan berdaya saing
- d. Menyediakan prasarana/infrastruktur serta penyelenggaraan yang bertaraf antarabangsa melalui perancangan, pembangunan dan penyelenggaraan yang sistematik dan terancang





- e. Menjadikan Majlis Perbandaran Manjung sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terunggul di Malaysia
- f. Menjadikan Majlis Perbandaran Manjung sebagai PBT peneraju utama dalam membangunkan sosio-ekonomi rakyat setempat
- g. Pembangunan ekonomi wilayah metropolitan lembah kinta (iaitu melibatkan Daerah Manjung, Perak Tengah, Kuala Kangsar dan Kinta)

